UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
*The National University of Malaysia*

Jabatan Bendahari / *Bursar's Office*

Rujukan : UKM BEN/224/8 JLd. 12
Tarikh : 14 September 2017

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 9/2017**

Dekan/ Pengarah/ Ketua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PENGURUSAN KONTRAK SEWAAN RUANG PERNIAGAAN DI PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan bidang kuasa pengurusan dokumen kontrak penyewaan bagi tujuaan penjanaan di PTj.

2. Untuk makluman, pengurusan penyewaan sewa ruang telah diserahkan kepada PTj bermula pada 1 Mac 2015. Oleh yang demikian, PTj adalah bertanggungjawab mematuhi semua urusan sewaan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, bagi tujuan menandatangani dokumen kontrak urusan sewaan ini hendaklah dimajukan terus kepada Pusat Khazanah, UKM. Dokumen kontrak tersebut akan ditandatangani oleh Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana) yang telah diberi kuasa menandatangani dokumen tersebut.

3. PTj hendaklah merujuk dan mendapatkan khidmat nasihat berkaitan urusan ini melalui Pusat Khazanah UKM dan mendapatkan Tatacara Pengurusan Sewaan Ruang Perniagaan bagi memudahkan proses sewaan. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai pengurusan sewaan ini boleh menghubungi Pusat Khazanah UKM di talian 03-89213955/ 3592.

4. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan maklumat ini kepada semua pegawai dan kakitangan Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

***"Akauntabiliti Pegangan Kita"***

Yang benar,

**KHALIJAH HJ. BAKAR**
Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
- Pengarah Eksekutif Pentabdiran, UKM